

25 AUG 1998

Mahathir-pinjaman

KERAJAAN M'SIA SANGGUP BAYAR KADAR TINGGI UNTUK PULIH EKONOMI

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Kerajaan sanggup membayar kadar faedah yang tinggi ke atas pinjaman asingnya dalam usaha memulihkan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita jamin kita akan bayar hutang... Malaysia bayar hutang dan akan bayar hutang lebih awal," kata beliau pada perhimpunan bersama rakyat peringkat negeri Selangor di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia mungkin terpaksa membayar kadar faedah tinggi ke atas bon-bon yang akan diterbitkannya untuk memperolehi dana bagi Danaharta (syarikat pengurusan aset yang ditubuhkan untuk menangani pinjaman tidak berbayar) dan Danamodal (alat khas yang ditubuhkan bertujuan untuk memodali semula bank-bank) berikutan penurunan penarafan oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa tertentu.

Katanya kerajaan tidak akan memaksa pihak-pihak asing memberi pinjaman kepada negara ini jika mereka tidak yakin. "Kalau mereka tak yakin ok... tak beri hutang."

Dr Mahathir berkata Malaysia akan berusaha dengan tangan sendiri untuk memulihkan ekonomi.

"Negara kita, tanggungjawab kita," katanya merujuk kepada tema hari kebangsaan tahun ini.

Mengenai artikel dalam The Times of London pada 20 Ogos bertajuk "Kick speculators over the edge", Dr Mahathir berkata nampaknya orang Eropah sekarang mengulangi apa yang dikatakannya setahun lalu pada mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia di Hong Kong.

"Sekarang banyak lagi rencana berbentuk ini. Kini mereka baru sedar orang seperti Soros berbahaya," kata Dr Mahathir.

Katanya sesetengah orang asing masih berpendapat bahawa kegawatan ekonomi di Malaysia disebabkan kerajaan tidak cekap seperti yang berlaku di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan.

Katanya penyangak sebenar ialah spekulator yang menekan mata wang dan harga saham.

Bursa Saham Kuala Lumpur telah kerugian, dengan nilai pasaran merosot daripada RM600 bilion kepada cuma RM300 bilion pada masa ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan masih boleh mengendalikan ekonomi dan jika ia tidak menguruskan ekonomi dengan baik, negara mungkin sudah lama tunduk kepada IMF.

"Kita masih bebas. Ini menunjukkan kerajaan tahu menguruskan negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mestilah yakin terhadap kebolehan kerajaan dalam menguruskan ekonomi.

"Lambat laun, Malaysia akan melihat berakhirnya pergolakan ekonomi. Mungkin kita terpaksa berkorban sedikit tetapi ia tidak sebanyak pengorbanan yang dibuat rakyat asing yang menerima bantuan IMF," katanya.

-- BERNAMA

AD SHY OS